



# DASAR INOVASI JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

*Berilmu*

*Kreatif*

*Kualiti*

*Inovatif*

*Produktif*

*Kompeten*

# ISI KANDUNGAN

|   |    |
|---|----|
| PERUTUSAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA .....   | 3  |
| 1.0 PENGENALAN .....  | 4  |
| 2.0 LATARBELAKANG .....   | 5  |
| 3.0 INOVASI .....   | 6  |
| 3.1 DEFINISI.....   | 6  |
| 3.2 CIRI-CIRI ORGANISASI YANG INOVATIF .....  | 7  |
| 3.3 ELEMEN-ELEMEN ASAS INOVASI.....   | 8  |
| 3.3.1 KEPEKAAN TERHADAP SEMUA BENDA DAN PERKARA DALAM PERSEKITARAN.....                     | 8  |
| 3.3.2 PENINGKATAN KESELESAAN DAN KUALITI HIDUP.....   | 8  |
| 3.3.3 PENGLIBATAN MUAFAKAT DAN PERBINCANGAN SESAMA INDIVIDU.....                            | 8  |
| 3.3.4 KEUPAYAAN MENGATASI RINTANGAN DAN KEBERANIAN UNTUK MENCUBA SESUATU<br>YANG BARU. .... | 9  |
| 3.4 KOMPONEN-KOMPONEN INOVASI .....   | 10 |
| 4.0 KREATIVITI.....   | 11 |
| 5.0 DASAR INOVASI JKR .....   | 12 |
| 5.1 MATLAMAT DASAR.....   | 12 |
| 5.2 PERNYATAAN DASAR.....   | 12 |
| 5.3 TADBIR URUS INOVASI .....   | 13 |
| 5.3.1 STRUKTUR JAWATANKUASA.....  | 13 |
| 5.3.2 PERANAN JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI (JPI).....                                       | 15 |
| 5.3.3 PERANAN JAWATANKUASA KERJA INOVASI (JKI).....   | 15 |
| 6.0 OBJEKTIF DASAR INOVASI JKR .....  | 16 |
| 7.0 STRATEGI & PELAN TINDAKAN INOVASI JKR MALAYSIA .....                                    | 17 |
| STRATEGI 1 .....  | 17 |
| PELAN TINDAKAN .....  | 17 |
| STRATEGI 2.....   | 18 |
| PELAN TINDAKAN .....  | 18 |
| STRATEGI 3.....   | 19 |
| PELAN TINDAKAN .....  | 19 |
| STRATEGI 4.....   | 20 |
| PELAN TINDAKAN .....  | 20 |
| STRATEGI 5.....   | 21 |
| PELAN TINDAKAN .....  | 21 |
| 8.0 PENUTUP.....  | 22 |

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA

Assalamu' alaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Sektor awam sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran dan perubahan yang kompleks seperti globalisasi, ledakan maklumat dan perkembangan teknologi, tadbir urus terbaik, ekonomi berdasarkan pengetahuan dan sebagainya. Inovasi merupakan salah satu mekanisme bagi menghadapi cabaran



dan perubahan tersebut. Pencapaian sesebuah organisasi banyak bergantung kepada tahap kreativiti dan inovasi yang dijanakan dalam pelaksanaan tugas harian.

Dasar inovasi ini menggariskan lima (5) Objektif, lima (5) Strategi dan dua puluh tiga (23) Pelan Tindakan. Adalah diharapkan dasar ini dapat membentuk minda dan pemikiran penjawat JKR yang berinovatif, maju, kreatif lagi proaktif dan berani melakukan perubahan. Justeru itu, semua penjawat JKR perlu memahami dan menghayati objektif, strategi dan pelan tindakan yang terkandung dalam dasar ini serta mengambil inisiatif melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Inovasi ialah pembeza antara sebuah organisasi yang cemerlang dengan sebuah organisasi yang bertaraf biasa. Oleh itu, untuk menjadi sebuah organisasi yang cemerlang, berdaya saing dan peneraju dalam dunia inovasi, JKR perlu membudaya dan menghasilkan lebih banyak inovasi dan penambahbaikan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua penjawat JKR supaya bersama-sama mempertingkatkan budaya kreativiti dan inovasi untuk menjayakan dasar ini dan seterusnya merealisasikan visi dan misi JKR Malaysia.

**(DATO' SERI Ir. HAJI MOHD NOOR BIN YAACOB)**

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia

## 1.0 PENGENALAN

Pada awal tahun 2010, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak semasa pelancaran program Malaysia Inovatif, telah menyarankan bahawa budaya kreativiti dan inovasi memainkan peranan yang penting dalam semua agensi-agensi Kerajaan.

Pada majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) XI yang berlangsung pada 9 Mac 2010, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan "Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi" sebagai salah satu empat nilai asas bagi mendokong empat tiang utama yang telah dirancang oleh Kerajaan, di mana setiap Kementerian dan Jabatan adalah digalakkan untuk menentukan dasar dan strategi bagi mengalakkan penjanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan.

Turutan daripada saranan tersebut, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Dasar Inovasi JKR untuk dijadikan panduan dan rujukan bagi penjawat-penjawat JKR dalam membentuk dan melaksanakan budaya inovasi di tempat kerja masing-masing.



## 2.0 LATARBELAKANG

JKR Malaysia telah membudayakan kualiti sejak lama dahulu berasaskan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 1992: Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM). Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK) telah ditubuhkan di bawah Cawangan Pengurusan Korporat di mana ia berperanan bagi melaksanakan program-program pembudayaan kualiti.

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri serta Surat Arahan dan Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Januari 2010, Unit Anugerah sedia ada di BPK telah dinamakan semula kepada Unit Anugerah dan Inovasi. Kini kreativiti dan inovasi diterapkan selaras dengan agenda transformasi Negara.



## 3.0 INOVASI

### 3.1 Definisi

**INOVASI** ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ia adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan organisasi. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem, proses dan prosedur, pemikiran, kaedah dan cara bekerja, teknologi dan produk.

Inovasi yang dihasilkan hendaklah menambah nilai *output* semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada, di mana ia dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh rakyat. Inovasi terbahagi kepada dua peringkat:

- Peringkat organisasi/kumpulan
- Peringkat individu

Di peringkat organisasi/kumpulan, organisasi sentiasa hidup serta berinteraksi secara aktif dan prospektif dengan persekitaran. Prospektif adalah sifat mencari peluang baru untuk menguasai keadaan atau meraih keuntungan maksimum.

Manakala di peringkat individu, dilaksanakan oleh individu/perseorangan dengan cara menimba ilmu, meneliti persekitaran dan seterusnya membina idea untuk menghasilkan sesuatu teknologi baru atau memperbaiki kualiti sesuatu benda atau menyelesaikan sesuatu masalah.





## 3.2 CIRI-CIRI ORGANISASI YANG INOVATIF

- Meneliti ciri-ciri kekuatannya dan mengaplikasikannya untuk mempertahankan kedudukannya dalam sesuatu ekosistem.
- Meneliti kelemahan/kekurangan dan merangka strategi serta solusi dalam mengatasi setiap kelemahan/kekurangan dengan cekap dan berkesan.
- Meneliti ekosistem dan mengenalpasti peluang-peluang yang ada untuk diperoleh secara sistematik.
- Melancarkan dasar, strategi dan mekanisme untuk menyahut cabaran dan ancaman dari dalam dan luar organisasi.



### **3.3 ELEMEN-ELEMEN ASAS INOVASI**

#### **3.3.1 Kepekaan terhadap semua benda dan perkara dalam persekitaran**

Peka terhadap perkara dalam persekitaran khususnya tentang perkara yang digemari oleh manusia dan perkara yang menyusahkan dan dibenci oleh manusia. Elemen asas ini boleh diperoleh semasa aduan diterima daripada pelanggan luaran ataupun pelanggan dalaman. Apabila luahan perasaan atau keluhan tidak puas hati yang dikemukakan oleh pelanggan dinilai, maka satu kaedah penambahbaikan akan diwujudkan dan secara tidak langsung, inovasi telah dihasilkan.

#### **3.3.2 Peningkatan keselesaan dan kualiti hidup.**

Dalam elemen asas ini, setiap Cawangan dan JKR Negeri perlu menilai semula proses kerja yang dilaksanakan bagi memastikan ianya sentiasa dikemaskini dan memenuhi kehendak pelanggan (*customer-oriented*) dalam usaha menjadikan JKR sebagai **Pemberi Perkhidmatan Bertaraf Dunia (*World Class Service Provider - WCSP*)**.

#### **3.3.3 Penglibatan muafakat dan perbincangan sesama individu.**

Maklumat dan fakta yang diperoleh daripada pengguna, masyarakat dan persekitaran adalah penting dalam usaha peningkatan kualiti kerja. Sesi muafakat berlaku secara berterusan. Pengarah Cawangan dan JKR Negeri perlu memastikan elemen asas ini dilaksanakan secara berterusan apabila **inovasi atau penambahbaikan** kerja dijadikan sebagai agenda utama dalam program Jabatan.



### **3.3.4 Keupayaan mengatasi rintangan dan keberanian untuk mencuba sesuatu yang baru.**

Inovasi memerlukan keupayaan mengatasi rintangan dan keberanian untuk mencuba idea yang unik dan berbeza. Oleh itu inovasi hendaklah diiringi dengan dorongan serta keinginan untuk melakukan inovasi, suasana yang mendorong inovasi dan komitmen yang tinggi bagi melakukan sesuatu perubahan atau penambahbaikan. Inovasi juga memerlukan pemikiran dan jangkaan senario masa hadapan.

### 3.4 KOMPONEN-KOMPONEN INOVASI

Terdapat empat (4) komponen inovasi seperti di Rajah 1.



Rajah 1

## 4.0 KREATIVITI

Kreativiti boleh didefinisikan sebagai kebolehan atau kemampuan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk baru melalui kemahiran imaginasi.

Kreativiti adalah penting dalam apa sahaja yang kita lakukan seharian. Kita boleh belajar berfikir kreatif melalui pemerhatian dan boleh menerangkannya, kita harus berfikir luar dari kotak pemikiran yang biasa (*think out of the box*). Ia melibatkan kemampuan khususnya kemampuan berfikir seperti berikut:



- kemampuan berfikir yang dapat melahirkan idea baru yang unik dan menarik.
- kemampuan berfikir secara kritikal dan membuat penilaian secara analitikal terhadap idea dan seterusnya mengemukakan cadangan penyelesaian.
- kemampuan berfikir secara praktikal yang dapat menterjemahkan idea dan teori ke dalam bentuk aplikasi.

## **5.0 DASAR INOVASI JKR**

### **5.1 MATLAMAT DASAR**

**MENJADI PENERAJU INOVASI DALAM  
PENGURUSAN FASILITI DAN PEMBANGUNAN  
INFRASTRUKTUR NEGARA**

### **5.2 PERNYATAAN DASAR**

**MEMBUDAYAKAN INOVASI DAN KREATIVITI  
DALAM AMALAN KERJA PENJAWAT JKR**

## 5.3 TADBIR URUS INOVASI


### 5.3.1 STRUKTUR JAWATANKUASA

Pelaksanaan Dasar Inovasi JKR ditadbir urus oleh satu Jawatankuasa Pemandu dan satu Jawatankuasa Kerja Inovasi JKR seperti di Rajah 2 dan 3.



Rajah 2

# STRUKTUR JAWATANKUASA KERJA INOVASI (JKI)



**Nota :** KPPI – Ketua Program Penyelidikan & Inovasi

Rajah 3



### **5.3.2 PERANAN JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI (JPI)**

- Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan
- Meluluskan usaha-usaha pembudayaan inovasi
- Memberi pengiktirafan kepada penjawat jabatan yang menghasilkan inovasi

### **5.3.3 PERANAN JAWATANKUASA KERJA INOVASI (JKI)**

- Menyediakan Pelan Tindakan Inovasi
- Memperaku program-program inovasi dan kreativiti
- Menilai dan memperaku inovasi-inovasi bagi tujuan penambahbaikan dan penyeragaman dalam organisasi
- Menilai dan memperaku inovasi-inovasi untuk dipatenkan
- Memperaku sebarang cadangan berkaitan inovasi dan kreativiti untuk pertimbangan JPI

## 6.0 OBJEKTIF DASAR INOVASI JKR

Dasar Inovasi JKR merangkumi lima (5) objektif seperti di Rajah 4.




Rajah 4

## 7.0 STRATEGI & PELAN TINDAKAN INOVASI JKR MALAYSIA

### STRATEGI 1

**PERUBAHAN MINDA DAN PENYEMAIAN BUDAYA KREATIVITI DAN INOVASI DI KALANGAN PENJAWAT JKR**

#### PELAN TINDAKAN




#### PETUNJUK PRESTASI:

1. BILANGAN PENYERTAAN, SUMBANGAN DAN INOVASI DARI PENJAWAT JKR
2. BILANGAN PENCAPAIAN PENJAWAT JKR DALAM PENCETUSAN IDEA DAN KREATIVITI
3. BILANGAN KURSUS, *ROADSHOW* DAN BENGKEL INOVASI

## STRATEGI 2

### PEMBANGUNAN INOVASI DI KALANGAN PENJAWAT JKR

#### PELAN TINDAKAN




#### PETUNJUK PRESTASI:

1. HARI INOVASI
2. BILANGAN HASIL INOVASI
3. BILANGAN PENCIPTA INOVASI

## STRATEGI 3

MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI (RDI) YANG BERTERUSAN DAN KOMPREHENSIF

### PELAN TINDAKAN




#### PETUNJUK PRESTASI:

1. BILANGAN PENYELIDIK JKR
2. BILANGAN PENYELIDIKAN GUNAAN YANG DIJALANKAN OLEH JKR
3. BILANGAN PENYELIDIK BERTAULIAH
4. BILANGAN KOLABORASI

## STRATEGI 4

**PENGGOMERSILAN HASIL PENYELIDIKAN  
DAN INOVASI JKR**

### PELAN TINDAKAN



#### **PETUNJUK PRESTASI:**


**1. BILANGAN PENDAFTARAN PATEN, HAK CIPTA DAN HARTA INTELEK**



## STRATEGI 5

**PROMOSI DAN PENGIKTIRAFAN HASIL  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

### PELAN TINDAKAN



#### PETUNJUK PRESTASI:

1. BILANGAN HASIL INOVASI YANG DIPROMOSI
2. BILANGAN ANUGERAH INOVASI
3. BILANGAN PENYERTAAN/ PENGANJURAN PAMERAN INOVASI

## 8.0 PENUTUP

Dasar Inovasi JKR yang mengandungi **lima (5) Objektif** , **lima(5) Strategi** dan **dua puluh tiga (23) Pelan Tindakan** diharap dapat merealisasikan matlamat dasar untuk menjadikan JKR sebagai peneraju inovasi dalam pengurusan fasiliti dan pembangunan infrastruktur negara.

Melalui strategi dan pelan tindakan yang digariskan dalam Dasar Inovasi ini, penjawat JKR akan lebih kreatif, inovatif dan kompeten dalam melaksanakan tanggungjawab serta tugas yang diamanahkan bukan sahaja bagi memenuhi kehendak pelanggan, *stakeholder* dan Negara tetapi mengekalkan JKR sebagai sebuah organisasi yang sentiasa relevan.

Kepimpinan, komitmen, kerjasama dan kolaborasi semua penjawat JKR amat penting dalam menjayakan Dasar Inovasi JKR.

